

# Anwar perjelas pelaksanaan inisiatif

**Iskandar Puteri:** Kerajaan Perpaduan tidak pernah memaksa golongan bukan Islam untuk menghafal atau mendalami himpunan Hadis 40 Imam Nawawi, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri berkata, sebaliknya modul penghayatan hadis itu hanyalah untuk guru serta pelajar beragama Islam dan inisiatif menerbitkan semula koleksi hadis berkenaan adalah usaha untuk memupuk kefahaman agama itu dalam kalangan umat Islam sendiri, terutama golongan anak muda.

“Inisiatif itu (penerbitan hadis) adalah untuk orang Islam, terutama anak muda kerana penting untuk mereka menguasai dan memahami Islam, jadi orang bukan Islam jangan salah faham.

“Mendalami ilmu agama adalah bersandarkan kepada al-Quran, hadis dan kupasan ulama muktabar,” katanya selepas sesi perjumpaan bersama jentera Kerajaan Perpaduan di sini, semalam.

Anwar juga menjelaskan, pelaksanaan modul itu berkait secara langsung dengan kestabilan, kesejahteraan dan keharmonian masyarakat berbilang kaum dan agama pada masa depan.

Sehubungan itu, beliau berharap isu berkenaan tidak digembar-gembur dan diungkit, khususnya oleh wakil masyarakat bukan Islam di negara ini.

“Saya harap dengan penjelasan ini tidak akan berbangkit kecurigaan dalam sistem pendidikan kita. Sebahagian tidak suka Islam diajar, sebahagian lagi gunakan Islam, tetapi tidak dengan dasar ilmu.

“Oleh itu, kita kena cari jalan sebenar iaitu untuk beri kefahaman Islam kepada orang Islam dan tidak paksa sesiapa (bukan Islam),” katanya.